

# Penduduk bimbang aktiviti balak haram

**BALING** 19 Nov. - Kira-kira 100 keluarga di dua buah kampung berhampiran kaki Gunung Inas dekat sini, diancam hakisan tanah ekoran aktiviti pembalakan haram secara meluas di atas tanah simpanan kerajaan.

Beberapa penduduk di Kampung Teluk Baiduri dan Kampung Sera di sini mendakwa, aktiviti pembalakan tidak terkawal itu menyebabkan kawasan seluas 32 hektar di situ kelihatan gondol.

Menurut mereka, penduduk yang tinggal sekitar kaki bukit berkenaan juga terpaksa menanggung risiko ancaman banjir sekiranya hujan lebat.

Seorang penduduk, **Ismail Harun**, 52, mendakwa, kegiatan tersebut disedari oleh penduduk beberapa minggu lalu setelah bekalan air yang diguna bertukar menjadi warna kemerahan.

Lebih malang, katanya, tiada sebarang tindakan diambil terhadap kegiatan pembalakan haram itu walaupun pihaknya beberapa kali melaporkan kepada Pejabat Hutan Daerah Baling.

"Kami pernah buat aduan dan nampak ada anggota Jabatan Perhutanan memasuki kawasan ini. Namun begitu, tiada

**Kegiatan tersebut wajar diambil perhatian serius memandangkan ia bukan saja memusnahkan ekologi tetapi mengundang bahaya kepada penduduk**

sebarang tindakan diambil.

"Keadaan ini menimbulkan perasaan hairan sama ada mereka tahu atau sengaja buat tidak tahu tentang kejadian mencuri balak ini," katanya.

Seorang penduduk Kampung Sera, **Abd. Manaf Sedek**, 50, berkata, kegiatan tersebut wajar diambil perhatian serius memandangkan ia bukan saja memusnahkan ekologi tetapi mengundang bahaya kepada penduduk.

"Hari ini air sudah tercemar, entah esok lusa ia boleh membawa banjir lumpur dan hakisan tanah hingga mengorbankan nyawa penduduk," katanya.

Seorang peniaga dari Kampung Teluk Baiduri, **Nayan Pie**, 47, berharap Jabatan Perhutanan Kedah dapat menjalankan

siasatan terperinci kes pembalakan haram di situ.

"Kita hairan bagaimana ia boleh berlaku lebih-lebih lagi di tanah simpanan kerajaan," katanya.

Dalam pada itu, tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati lebih 300 batang kayu balak dari pelbagai jenis dikesan ditebang secara haram di kawasan terbabit.

Lebih memeranjatkan, kegiatan yang dipercayai beroperasi secara bersindiket itu dikatakan telah membuka sendiri denai bagi mengeluarkan kayu ditebang untuk diangkut ke tempat memproses.

Selain itu, terdapat juga beberapa batang kayu balak yang tidak diguna dibiarkan bertaburan dalam hutan berkenaan.

00/11/2006

um

**ABD. MANAF SEDEK**  
Penduduk  
Kampung Sera



**SEORANG** penduduk memerhatikan kawasan yang dipercayai menjadi kawasan pembalakan haram berhampiran Kampung Telok Teduri, Baling, semalam.